

**PENERIMAAN MEDIA ATAS TALIAN SEBAGAI MEDIUM PENYAMPAIAN  
 FATWA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUSLIM SELANGOR: SATU  
 TINJAUAN AWAL**

*ACCEPTANCE ONLINE MEDIA AS MEDIUM OF FATWA DISSEMINATION  
 AMONG MUSLIM IN SELANGOR: A PRELIMINARY STUDY*

Siti Nurunnajwa Shamsudin<sup>i</sup> Irwan Mohd Subri (Ph.D)<sup>ii</sup> &  
 Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali (Ph.D)<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pelajar Sarjana Syariah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).  
 najwashams274@gmail.com

<sup>ii</sup> Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia & Prof. Madya Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).  
[irwan@usim.edu.my](mailto:irwan@usim.edu.my)

<sup>iii</sup> Pengarah, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam & Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).  
[nuradli@usim.edu.my](mailto:nuradli@usim.edu.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Artikel ini bertujuan mengukur tahap penerimaan media atas talian sebagai medium penyampaian fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim di Selangor. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif melalui pilot study (tinjauan awal) dengan menjalankan soal selidik kepada 30 orang responden yang beragama Islam di negeri Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa secara umumnya masyarakat menerima media atas talian sebagai medium penyampaian fatwa negeri Selangor dan lebih cenderung memilih laman web sebagai media atas talian yang paling berkesan dan memberi manfaat bagi mendapatkan maklumat mengenai fatwa Selangor.</i></p> <p><i>Kata kunci: Fatwa, Selangor, media atas talian, penerimaan, muslim</i></p>	<p><i>Issue of illegitimate child is among matters discussed in Malaysia whether from the point of fiqh or law. This article analyzes some of the Terengganu Shariah High Court decisions concerning illegitimate child. The decisions are studied from the point of whether it is contrary to the fatwa of State Fatwa Committee or not. This article uses qualitative methods through interview with former Syarie Chief Judge of Terengganu and document analysis of the results of the Terengganu Syariah High Court, fatwas and also books related to illegitimate child. The study found that the gazetted fatwa prohibiting illegitimate child to use name of his/her biological father is too general. Therefore, the decision of Terengganu Shariah High Court concerning illegitimate child does not contradict with that gazetted fatwa.</i></p> <p><i>Keywords: Illegitimate child, court, shariah, fatwa, fiqh.</i></p>

## PENDAHULUAN

Fatwa dari segi bahasa berasal daripada kata kerja *fata* dan *afta* yang bermaksud meminta penerangan. Daripada kata kerja ini timbul kata terbitan *futya* dan *fatwa* yang bermaksud *istifta'* atau *ifta'* yang membawa makna meminta penerangan mengenai sesuatu masalah (Al-Razi, 1988). Ali bin Muhammad al-Jurjani di dalam kitabnya *at-Ta'rifat* pula mendefiniskan fatwa sebagai penerangan mengenai sesuatu hukum. Menurut *Ensiklopedia Islam* (Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia, 1998), fatwa ialah keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan) berdasarkan Al-Quran, hadith, dan sumber hukum lain, termasuk ijihad oleh mufti (atau mereka yang berhak tentang membuat keputusan hukum syara'). Oleh yang demikian, fatwa ialah suatu keputusan yang dibuat oleh mufti atau penjelasan hukum syara' oleh sesuatu kumpulan yang terdiri daripada ulama' (Jawatankuasa Fatwa/Jawatankuasa Syariah) bagi sesuatu masalah sebagai jawapan kepada sesiapa yang bertanya sama ada secara bersendirian atau berjema'ah (Nooh Gadut, 2006).

Fatwa di Malaysia bukan sekadar penerangan mengenai hukum syarak kepada persoalan yang tidak mempunyai nas, tetapi juga penerangan hukum syarak yang bersifat perundangan yang boleh dikuatkuasakan dan diambil tindakan bagi penduduk Islam yang melanggarnya (Ahmad Hidayat, 2002). Fatwa di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu fatwa di peringkat kebangsaan dan fatwa di peringkat negeri. Fatwa di peringkat kebangsaan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia. Manakala di peringkat negeri, fatwa dikeluarkan oleh institusi khas yang dikenali sebagai Jabatan Mufti. Bagi fatwa di peringkat negeri, fatwa yang diputuskan dapat dikategorikan dalam tiga bentuk, iaitu pertama, fatwa yang diwartakan; kedua, jawapan-jawapan fatwa yang diputuskan oleh mesyuarat jawatankuasa fatwa dan ketiga, fatwa yang dikeluarkan oleh mufti (Muhammad Ikhlas, Luqman, Paizah, & Mohd Anuar, 2013).

Di negeri Selangor, menurut Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor No.2 Tahun 1989, seksyen 31(3) jika sesuatu fatwa itu diwartakan dalam warta, fatwa tersebutlah hendaklah mengikat orang Islam yang tinggal dalam negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipan untuk mengikutinya dan berpegang dengan fatwa itu kecuali jika dia dibenarkan oleh hukum syarak dalam kewajipan peribadi, kepercayaan atau pendapat (Hasnan, 2006). Namun begitu, sejauh mana orang Islam yang tinggal di negeri Selangor cakna berkenaan dengan fatwa yang telah diwartakan? Jabatan Mufti Selangor selaku badan yang bertanggungjawab menyebarkan fatwa kepada seluruh masyarakat Muslim Selangor telah menggunakan pelbagai cara supaya fatwa tersebut sampai kepada masyarakat. Salah satu cara yang digunakan oleh Jabatan Mufti Selangor adalah melalui penggunaan media atas talian (*online media*). Kajian ini mengukur penerimaan masyarakat terhadap media atas talian

yang telah digunakan oleh Jabatan Mufti Selangor sebagai medium penyampaian fatwa.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mensasarkan beberapa objektif utama iaitu:

1. Mengukur kadar kebolehbergantungan (reliabiliti) soalan yang akan digunakan dalam kajian sebenar.
2. Mengenalpasti pengetahuan dan pandangan masyarakat Muslim Selangor tentang fatwa secara umum.
3. Mengenalpasti hubungkait antara umur terhadap penerimaan media sebagai salah satu alat penyampaian fatwa di negeri Selangor.
4. Mengenalpasti media atas talian yang paling diterima dan memberi kesan dalam penyampaian fatwa kepada masyarakat Muslim Selangor.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk satu tinjauan *pilot study* (tinjauan awal) yang dijalankan untuk mengkaji penerimaan masyarakat Islam di Selangor terhadap penggunaan media atas talian (*online media*) sebagai medium penyampaian fatwa negeri Selangor. Kajian *pilot study* ialah kajian versi ringkas atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian utama (Polit, Beck, & Hungler, 2001). Kajian ini menfokuskan kepada tiga media atas talian yang digunakan oleh Jabatan Mufti Selangor iaitu laman web, Facebook dan YouTube.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan proses pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik. Responden dipilih secara rawak seramai 30 orang berlatarbelakangkan Muslim yang menetap di Selangor dan soalan soal selidik ini juga disebarluaskan secara atas talian (*online*) melalui aplikasi Whatsapp, Telegram, Facebook dan emel. Responden menjawab menggunakan perisian *Google Form* yang telah disediakan.

Soalan soal selidik dipecahkan kepada lima bahagian. Bahagian A adalah untuk mengkaji latar belakang responden manakala bahagian B adalah untuk melihat sejauhmana penggunaan responden terhadap internet dan media atas talian. Bahagian C pula mengukur pengetahuan dan pandangan tentang fatwa secara umum dan bahagian D merupakan bahagian terpenting untuk mengkaji penerimaan masyarakat Muslim Selangor terhadap media atas talian sebagai medium penyampaian fatwa negeri Selangor. Bahagian E adalah bahagian terakhir bagi merumuskan penerimaan masyarakat, media atas talian yang paling memberi kesan dan bermanfaat, komen umum dan cadangan penambahbaikan.

Analisis data kajian adalah menggunakan SPSS dengan menggunakan diskriptif statistik. Hasil kajian ini dilaporkan dalam bentuk jadual, graf bar dan carta pie.

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### Analisis Reliabiliti

Kajian menggunakan penilaian *Cronbrach's alpha* untuk melihat konsistensi antara item. Merujuk kepada jadual 1 di bawah, nilai alfa adalah lebih dari 0.7 iaitu 0.882 dan sesuatu instrument kajian dianggap mempunyai nilai reliabiliti yang mencukupi apabila mempunyai sama atau melebihi 0.70 (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa semua ukuran ini mempunyai kadar ketekalan dalaman yang tinggi dan boleh digunapakai dalam kajian sebenar.

Jadual 1: Nilai Reliabiliti

Cronbach's Alpha	N of Items
.882	81

### HASIL KAJIAN

Seramai 30 orang responden dari negeri Selangor dan beragama Islam yang terdiri daripada 9 orang lelaki dan 21 orang perempuan telah mengambil bahagian dalam soal-selidik ini. Berdasarkan maklumat yang telah didapati, terdapat 6.7% responden berumur bawah 21 tahun. Bilangan responden terbesar adalah mereka yang berumur antara 21 hingga 30 tahun iaitu sebanyak 80%. Terdapat 10% responden berumur antara 21 hingga 40 tahun dan hanya 3.3 % berumur lebih dari 40 tahun. Maklumat perkahwinan pula, lebih 70% responden belum berkahwin berkahwin dan sebanyak 30% daripada jumlah respon telah berkahwin. Sebahagian besar responden tinggal di kawasan bandar iaitu sebanyak 76.7% manakala baki sebanyak 23.3% tinggal di kawasan luar bandar.

Jika dilihat dari segi latar belakang tahap pendidikan tertinggi responden, masing-masing 3.3% responden berkelulusan STPM, STAM dan matrikulasi atau asasi. Manakala 16.7% bertaraf diploma dan sebanyak 60% berkelulusan Sarjana Muda. 10% dari responden berkelulusan sarjana dan baki 3.3% berkelulusan PhD. Dari aspek sektor pekerjaan, kajian ini mendapati 23.3% responden terdiri daripada sektor awam dan 16.7% responden merupakan kakitangan swasta. 3.3% daripada responden bekerja sendiri dan 10% tidak bekerja. Manakala baki sebanyak 46.7% adalah terdiri daripada golongan pelajar. Selain daripada itu, 30% responden berpendapatan RM2000 ke bawah, 10% berada dalam lingkuan pendapatan RM2001-RM3500 dan 10% berpendapatan antara RM3501-RM5000 dan 6.7% berpendapatan lebih daripada RM5001. Baki 43.3% daripada responden tidak mempunyai sebarang pendapatan.

Jadual 2: Latarbelakang Responden (n=30)


Soalan	Jawapan	N	Peratus (%)
Umur	<21	2	6.7
	21-30	24	80.0
	31-40	3	10.0
	>40	1	3.3

Jantina	Lelaki	9	30.0
	Perempuan	21	70.0
Status perkahwinan	Bujang	21	70.0
	Berkahwin	9	30.0
	Janda/Duda/Balu	-	-
Kawasan tempat tinggal:	Bandar	23	76.7
	Luar bandar	7	23.3
Pendidikan tertinggi	Sekolah Rendah	-	-
	PMR/SRP	-	-
	SPM	-	-
	STPM	1	3.3
	STAM	1	3.3
	Matrikulasi/Asasi	1	3.3
	Diploma	5	16.7
	Sarjana muda	18	60.0
	Sarjana	3	10.0
	PhD	1	3.3
Pekerjaan	Sektor awam	7	23.3
	Sektor swasta	5	16.7
	Bekerja sendiri	1	3.3
	Tidak bekerja	3	10.0
	Pelajar	14	46.7
Pendapatan bulanan	Bawah RM2000	9	30.0
	RM2001 – RM3500	3	10.0
	RM3501 – RM5000	3	10.0
	Lebih dari RM5000	2	6.7
	Tiada	13	43.3

### Penggunaan Internet & Media atas Talian


Kajian ini turut mengkaji penggunaan internet dan media atas talian. Terdapat 5 soalan telah dikenalpasti dan diutarakan di dalam soalan soal selidik yang telah diberikan kepada responden.

Carta 1: Akses kepada internet (n=30)




Soalan pertama adalah berkaitan dengan akses kepada internet oleh responden. Hampir 96.7% daripada responden mudah untuk akses kepada internet manakala baki sebanyak 3.3% merasakan sukar untuk akses kepada internet.

Carta 2: Penggunaan Internet (n=30)




Soalan seterusnya berkaitan dengan penggunaan internet oleh responden. 96.7% daripada responden menggunakan internet setiap hari manakala hanya 3.3% responden menggunakan internet sebanyak seminggu sekali.

Graf 2: Aplikasi Media atas Talian yang Digunakan (n=30)



Berdasarkan graf di atas, penggunaan aplikasi Whatsapp mencapai tahap tertinggi aplikasi yang digunakan oleh kesemua responden iaitu sebanyak 100%. Diikuti dengan Facebook sebanyak 90% dan YouTube sebanyak 76.7% daripada keseluruhan responden. Aplikasi Telegram mencatat sebanyak 63.3% manakala Instagram sebanyak 53.3% dan Google+ sebanyak 46.7%. Aplikasi yang paling jarang digunakan oleh responden ialah blog iaitu sebanyak 16.7% dan diikuti dengan Twitter sebanyak 23.3%.

Carta 3: Purata Waktu Menggunakan Media Atas Talian Dalam Sehari (n=30)




Responden juga turut disoal tentang purata penggunaan media atas talian dalam sehari. Kajian mendapati 46.7% daripada responden menghabiskan lebih dari 3 jam sehari bagi menggunakan aplikasi atas talian. 20% daripada keseluruhan responden menggunakan media atas talian sekitar 2-3 jam manakala

masing-masing 16.7% menggunakan media atas talian sekitar 1-2 jam dan kurang dari satu jam.

### Pengetahuan dan Pandangan Tentang Fatwa Secara Umum

Bahagian ini bertujuan untuk mengkaji pengetahuan dan pandangan terhadap fatwa oleh responden secara umum. Soalan pada bahagian ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu soalan berbentuk skala dan soalan pilihan jawapan. 10 soalan telah dipilih bagi bahagian ini.

Graf 3: Pengetahuan dan Pandangan tentang Fatwa Secara Umum (n=30)




Berdasarkan graf di atas, hasil kajian menunjukkan seramai 60% sangat bersetuju fatwa penting dalam kehidupan seorang Muslim manakala 36.7% bersetuju dan baki sebanyak 3.3% tidak pasti. Bagi kenyataan fatwa bermaksud pemberitahuan tentang hukum syarak, sebanyak 56.7% sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sebanyak 33.3% lagi bersetuju dan 6.7% tidak pasti. Baki 3.3% daripada responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Kajian juga turut mengkaji tentang kewujudan Jabatan Mufti Selangor dalam masyarakat. 73.3% dari bilangan responden sangat bersetuju manakala 23.3% bersetuju. Hanya 3.3% tidak pasti akan kewujudan Jabatan Mufti Selangor. Hanya 6.7% sangat bersetuju merujuk kepada fatwa negeri Selangor untuk mengetahui tentang hukum. 50% dari keseluruhan responden bersetuju, 36.7% tidak pasti dan 6.7% tidak bersetuju dalam hal ini.

Dari keempat-empat soalan yang disoal, kajian mendapati hasil kajian adalah positif. Majoriti responden mengetahui kepentingan fatwa dalam kehidupan seorang Muslim dan memahami maksud fatwa sebagai pemberitahuan tentang hukum syarak. Majoriti responden juga turut mengetahui tentang kewujudan Jabatan Mufti Selangor di negeri Selangor dan merujuk fatwa negeri Selangor bagi mengetahui mengenai hukum.



Graf 4: Pengetahuan dan Pandangan tentang Fatwa Secara Umum (n=30)




Bagi soalan untuk menguji pengetahuan tentang keseluruhan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Selangor, kajian mendapati 3.3% daripada responden bersetuju, 66.7% tidak pasti, 26.7% tidak bersetuju dan 3.3% sangat tidak bersetuju. Manakala bagi soalan untuk mengenal pasti sama ada responden sentiasa mengikuti perkembangan fatwa negeri Selangor, kajian mendapati sebanyak 26.3% dari bilangan responden bersetuju, 43.3% kurang pasti dan 33.3% tidak bersetuju. Responden juga turut disoal berkaitan pengetahuan responden terhadap fatwa yang diwartakan di peringkat negeri Selangor mempunyai kuasa di sisi undang-undang. Kajian menunjukkan bahawa 16.7% daripada keseluruhan responden sangat bersetuju, 46.7% bersetuju, 20% tidak pasti dan 16.7% tidak bersetuju.

Secara keseluruhan daripada ketiga-tiga soalan di atas, bilangan responden yang cakna tentang fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Selangor sangatlah sedikit dan tidak ramai daripada mereka yang mengikuti perkembangan terkini fatwa negeri Selangor. Namun begitu, majoriti responden mengetahui bahawa fatwa yang diwartakan diperingkat negeri Selangor mempunyai kuasa di sisi undang-undang.


Antara soalan yang turut disoal kepada responden ialah fatwa yang sering dirujuk dalam mengetahui sesuatu hukum. Kajian mendapati majoriti responden memilih untuk merujuk kepada fatwa kebangsaan iaitu sebanyak 90% dan diikuti dengan fatwa ulama' tersohor sebanyak 73.3%. Setelah itu, barulah diikuti dengan fatwa negeri Selangor sebanyak 56.7% dan fatwa negeri lain sebanyak 40%. Fatwa dari negara lain adalah yang paling sikit dirujuk oleh responden iaitu sebanyak

26.7%.

Graf 5: Antara fatwa yang sering dirujuk dalam mengetahui tentang sesuatu hukum (n=30)




Graf 6: Saluran yang digunakan untuk mengetahui fatwa negeri Selangor (n=30)



Soalan seterusnya berkaitan dengan saluran yang digunakan untuk mengetahui fatwa negeri Selangor. Kajian menunjukkan sumber utama dalam mengetahui fatwa negeri Selangor adalah daripada laman web iaitu sebanyak 86.7% daripada keseluruhan responden. Seterusnya diikuti oleh ceramah agama sebanyak 50% dan Facebook sebanyak 46.7%. Fatwa juga turut diketahui melalui rakan-rakan sebanyak 36.7% dan aplikasi telefon pintar sebanyak 33.3%. Baki saluran lain seperti radio, televisyen, majalah, buku, YouTube, Twitter dan blog mencatatkan kurang daripada 30% responden menerima maklumat berkenaan fatwa daripada saluran tersebut.

Graf 7: Saluran yang paling berkesan dalam menyampaikan fatwa (n=30)




Soalan terakhir bagi bahagian ini tertumpu kepada saluran yang dirasakan terbaik dalam menyampaikan fatwa. 70% daripada keseluruhan responden memilih laman web, manakala 56.7% memilih Facebook dan masing-masing 53.3% memilih ceramah agama dan televisyen. 40% daripada bilangan responden memilih fatwa disampaikan melalui radio dan baki saluran seperti rakan-rakan, surat khabar, majalah, buku, YouTube, Twitter, aplikasi telefon pintar dan blog.

### **Penerimaan Media atas Talian sebagai Medium Penyampaian Fatwa Negeri Selangor**

Dalam bahagian ini responden disoal dua soalan dalam berbentuk skala dan penggredan. Dua soalan ini bertujuan bagi memastikan sama ada kajian ini wajar diteruskan atau tidak.

Carta 4: Penyampaian fatwa Selangor secara media atas talian membantu dalam mengetahui mengenai fatwa negeri Selangor



Berdasarkan respon daripada kesemua responden, kajian mendapati sebanyak 56.7% bersetuju penyampaian fatwa Selangor dengan menggunakan media atas talian membantu dalam mengetahui berkenaan dengan fatwa negeri Selangor. Hampir 33.3% daripada responden sangat bersetuju dan hanya 10% daripada responden memilih tidak pasti.

Kajian ini juga turut mengkaji hubungkait antara umur dan penerimaan masyarakat terhadap media atas talian yang digunakan sebagai salah satu alat penyampaian fatwa. 17 orang responden telah bersetuju media atas talian membantu dalam mengetahui tentang fatwa Selangor dan 12 daripadanya merupakan berumur antara 21-30 tahun.

**Pada pendapat saya, penyampaian fatwa melalui media atas talian membantu saya untuk mengetahui tentang fatwa Selangor \* Umur**

Bilangan

		Umur				Total
		<21	21-30	31-40	>40	
Pada pendapat saya, penyampaian fatwa melalui media atas talian membantu	Tidak pasti	0	3	0	0	3
	Setuju	1	12	3	1	17
	Tidak Setuju	1	9	0	0	10

talian membantu saya untuk mengetahui tetang fatwa Selangor	2	24	3	1	30
---	---	----	---	---	----


Setelah menjalankan ujian Chi-Square, kajian mendapati nilai Signifikan ( $p$ ) adalah .298. Oleh kerana nilai  $p$  (.298) lebih besar daripada nilai alpha ( $\alpha$ ) .05. Maka dapat disimpulkan umur responden tidak mempunyai hubungkait terhadap penerimaan media atas talian sebagai salah satu alat penyampaian fatwa.

Jadual 2: Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	9.557 <sup>a</sup>	8	.298
Likelihood Ratio	11.915	8	.155
Linear-by-Linear Association	.886	1	.347
N of Valid Cases	30		

Bagi soalan terakhir, responden diminta untuk menyusun mengikut keutamaan media atas talian yang paling berkesan dan memberi manfaat dalam penyampaian fatwa negeri Selangor. 66.7% daripada responden memilih laman web ditempat yang pertama, diikuti dengan Facebook dan YouTube. Manakala 13.3% lagi memilih laman web di tempat pertama, seterusnya diikuti oleh YouTube dan Facebook. Baki 6.7% daripada keseluruhan responden meletakkan Facebook sebagai media atas talian yang paling berkesan dan memberi manfaat diikuti dengan laman web dan YouTube. Manakala baki 6.7% lagi memilih YouTube sebagai pilihan utama diikuti dengan laman web dan Facebook. Seterusnya 6.7% lagi merasakan YouTube antara media yang paling berkesan dan memberi manfaat dalam penyampaian fatwa Selangor, diikuti dengan Facebook dan laman web. Hal ini bermakna, majoriti responden berpendapat bahawa laman web adalah media atas talian yang paling berkesan dan memberi manfaat dalam penyampaian fatwa negeri Selangor diikuti dengan Facebook dan YouTube.

Carta 5: Media atas talian yang paling berkesan dan memberi manfaat dalam penyampaian fatwa negeri Selangor mengikut turutan keutamaan



### Komen Umum dan Cadangan Penambahbaikan

Beberapa responden telah memberikan beberapa komen umum dan cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk penambahbaikan dalam penyampaian fatwa negeri Selangor kepada masyarakat Selangor.

Bagi ruangan komen umum, responden (11) menyatakan “Laman web rasmi selalunya menjadi media atas talian yang paling dipercayai kerana kadangkala page di facebook boleh ditiru atau akaun palsu”.

Bagi ruangan penambahbaikan, responden (10) menyatakan “Laman web rasmi perlu dikemaskini selalu bagi meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada majlis fatwa”.

Responden (11) menyatakan “Sediakan ruangan interaktif antara pengguna dan mufti untuk bertanyakan soalan-soalan atau kemusykilan agama”.

Responden (14) menyatakan “Sekarang ada aplikasi channel telegram yang lebih mudah diakses berbanding lain-lain medium. Mungkin lebih mudah jika penyampaian dapat menggunakan medium ini”.

Responden (30) menyatakan “Laman web dan media sosial seperti facebook perlu kerap dikemaskini”.

### KESIMPULAN

Jabatan Mufti Selangor merupakan organisasi yang bertanggungjawab dalam menyebarkan fatwa negeri Selangor kepada semua masyarakat Muslim di Selangor. Pelbagai langkah telah diambil dan sebahagiannya adalah dengan menggunakan media atas talian. Hasil kajian mendapati penerimaan sebilangan kecil masyarakat Muslim (n=30) di Selangor adalah positif. Penerimaan media atas talian sebagai medium penyampaian fatwa Selangor tiada hubungkait dengan umur masyarakat Muslim di Selangor. Antara media atas talian yang telah

digunakan oleh Jabatan Mufti Selangor dan mendapat tempat di hati masyarakat adalah laman web rasmi Jabatan Mufti Selangor. Media atas talian yang sedia ada perlulah lebih dipertingkatkan penggunaannya dan sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Penggunaan media baharu juga perlu sentiasa diteroka bersesuaian dengan peredaran masa dan teknologi yang pantas berkembang. Kajian yang berbentuk tinjauan awal ini perlu dikembangkan lagi untuk mengukur sejauhmana masyarakat Muslim Selangor memahami dan patuh terhadap fatwa yang telah diterima.

## RUJUKAN

### Buku

- Ahmad Hidayat, B. (2002). Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 10(1), 39–52.
- Al-Jurjani, A. bin M. (n.d.). *at-Ta'rifat*. Dar al-Diyan li al-Turath.
- Al-Razi, Z. al-D. (1988). *Mukhtar al-Sihah* (Muassasah). Beirut.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis* (7th ed.). Harlow: Pearson Prentice Hall.
- Hasnan, K. (2006). Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasakan Fatwa di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Law and Society*, 10, 1–19.
- Muhammad Ikhlas, R., Luqman, A., Paizah, I., & Mohd Anuar, R. (2013). Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh*, 10(10), 31–56.
- Nooh Gadut. (2006). Pengurusan Fatwa di Malaysia. *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara Asean*, 55–78.
- Polit, D. F., Beck, C. ., & Hungler, B. P. (2001). *Essentials of Nursing Research: Methods, Appraisal and Utilization* (5th ed.). Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins. Retrieved from <http://sru.soc.surrey.ac.uk/SRU35.html>
- Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia. (1998). *Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*